

**EKONOMI**

## Saudee, Focus Dynamic jalin kerjasama untuk lancar kiosk burger robotik



30/10/2020 07:44 PM

KUALA LUMPUR, 30 Okt -- Pengeluar produk makanan, Saudee Group Bhd bekerjasama dengan pengendali gerai makanan dan minuman (F&B) Focus Dynamics Group Bhd untuk melancarkan kiosk burger robotik pertama di Malaysia dan trak makanan.

Dua syarikat tersenarai awam itu hari ini menandatangani perjanjian induk (HOA) yang akan menyaksikan mereka menubuhkan kumpulan kerja eksekutif untuk membangunkan platform dan prosedur yang diperlukan untuk pelancaran kiosk dan trak makanan itu.

Dalam satu kenyataan bersama, mereka berkata kiosk itu dijadual untuk dilancarkan tahun depan.

Pengarah Eksekutif Focus Dynamics Benson Tay Ben Seng berkata peralatan robotik adalah generasi inovasi pada masa depan yang akan digunakan dalam industri F&B, ia telah pun digunakan di seluruh dunia.

Beliau berkata robotik ketika ini meningkatkan kecekapan, mengurangkan kecurian dan menunjukkan faktor inovatif apabila ia melayan pelanggan, ia sesuai dengan kebiasaan baharu berikutan pandemik COVID-19.

"Penjarakan fizikal dan mengurangkan sentuhan susulan pandemik itu membawa kepada penggunaan robotik dalam industri F&B bagi beberapa tahun akan datang," katanya.

Tay berkata, Focus Dynamics melihat jalinan kerjasama ini sebagai cara untuk mempercepatkan hasratnya untuk menjadi penggerak pertama dalam trend robotik F&B.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Saudee Mak Siew Wei berkata operasi F&B robotik memerlukan kajian mengenai penyediaan, pembungkusan dan kualiti daging mentah untuk menyediakan komposisi yang tepat diperlukan agar robotik itu menghasilkan makanan berkualiti tinggi.

Sehubungan tu, perkongsian ini membolehkan Focus Dynamics menyediakan kepakaran pengurusan teknologinya untuk membangunkan operasi robotik automatik yang lancar dengan interaksi minimum manusia, sementara Saudee akan menyediakan proses penyelidikan serta pembagunan untuk menghasilkan makanan khusus yang dibungkus dan disesuaikan untuk memenuhi aspek robotik.

Selain beroperasi di gerai F&B, Focus Dynamics juga terlibat dalam pembuatan dan perkhidmatan kejuruteraan manakala Saudee adalah pengeluar makanan bungkus terkemuka dengan jenama premium Saudee Gold yang membekalkan frankfurter, burger dan nugget yang diperakui halal di seluruh negara.

-- BERNAMA